

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Dato' Madius Tangau
[TUARAN]**

TARIKH : 1.04.2015 (RABU)

NO. SOALAN : 39

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah perancangan kerajaan untuk menangani penurunan harga getah dan penurunan harga minyak mentah petroleum dan adakah Kerajaan sedar tentang kesan negatif yang sedang dialami oleh para pekebun kecil getah.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian ini maklum berkaitan kesan negatif yang sedang dialami oleh para pekebun kecil getah akibat penurunan harga getah ketika ini. Walau bagaimanapun, penentuan harga getah bukan di bawah kawalan Kementerian ini. Namun beberapa usaha telah di laksanakan Kementerian melalui RISDA dalam usaha membantu pekebun kecil secara berterusan bagi meningkatkan pendapatan mereka melalui pelbagai program dan aktiviti seperti berikut:

1. memberi Bantuan Sara Hidup Pekebun Kecil (SHPK);
2. menggiatkan Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET);
3. melatih pekebun kecil menjadi usahawan melalui Program Pembangunan Keusahawanan;

4. memberi peluang pekebun kecil melaksanakan tanam semula dengan tanaman selain getah (TSGL) iaitu Kelapa Matag, Nangka Madu, Durian, Manggis dan Mangga;
5. berterusan melaksanakan program tanam semula getah dan sawit;
6. memberi subsidi benih dan baja;
7. menyediakan Prasarana Asas Pertanian (PAP);
8. menyediakan Prasarana Dalam Ladang (PDL);
9. menggalakkan Amalan *Good Agricultural Practices* (GAP);
10. memberi bantuan alat torehan melalui Program Pengekalan Produktiviti Getah (PPG);
11. menggalakkan peningkatan produktiviti getah melalui Skim Insentif Produktiviti Getah (SIPG);
12. memendekkan rangkaian pemasaran melalui Pembangunan Infrastruktur Pemasaran (PIP);
dan
13. meningkatkan agihan dividen melalui Syarikat Milikan RISDA.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN
[PETALING JAYA SELATAN]**

TARIKH : 1 APRIL 2015 (RABU)

SOALAN : 40

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan:**

- (i) jumlah lokasi yang melibatkan masalah retakan dan tanah mendap di landasan, jalan raya dan tempat letak pesawat KLIA2 sejak dibuka; dan
- (ii) kos yang terlibat dan pihak yang menanggung

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Keretakan yang berlaku di beberapa kawasan di apron klia2 adalah berpunca daripada mendapan yang tidak sekata. Mendapan ini berlaku akibat tanah gambut yang dalam yang belum mencapai tahap mendapan sepenuhnya.

Jumlah lokasi yang terlibat ialah 23,900 meter persegi dari keseluruhan kawasan apron seluas kira kira 700,000 meter persegi. Ini bersamaan dengan 3% kawasan apron klia2 yang mengalami masalah retakan dan tanah mendap. Jumlah ini berkurangan bulan demi bulan apabila kawasan tersebut mencapai tahap mendapan yang dijangkakan. Ini biasa bagi mana-mana pembinaan di kawasan tanah lembut yang dibuat secara cepat tanpa menunggu tanah mencapai keadaan mendapan maksimum yang memakan masa antara 5-10 tahun.

Adalah dijelaskan bahawa retakan hanya berlaku di kawasan apron dan bukan di landasan klia2 akibat '*differential settlement*'. Dari segi kos pula, MAHB telah membelanjakan sebanyak RM14 juta sejak Mei 2014 untuk kerja-kerja pembaikan di apron klia2.